

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 1 TAHUN 2013

Rujukan Kami : KUIPs/100.25/2013

Tarikh : 04 Oktober 2013

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 1 TAHUN 2013 PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN STAF KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS PADA SETIAP HARI RABU, KHAMIS DAN JUMAAT

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini bertujuan untuk menyampaikan hasrat pihak Pengurusan Tertinggi Kolej Universiti Islam Perlis berkaitan penguatkuasaan pemakaian staf Kolej Universiti Islam Perlis pada setiap hari Rabu, Khamis dan Jumaat.

2. PENDAHULUAN

- 2.1 Pekeliling ini dikeluar bertujuan untuk menguatkuasa dan memastikan keseragaman pemakaian bagi semua staf KUIPs terutamanya pada setiap hari Rabu, Khamis dan Jumaat. Pekeliling ini dikeluar bagi memastikan semua staf mematuhi etika berpakaian sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan KUIPs.

3. JUSTIFIKASI

- 3.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi memastikan :

- 3.1.1 Memastikan semua staf dapat mematuhi etika dan peraturan pemakaian yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan KUIPs sepanjang waktu bekerja.
- 3.1.2 Mewujud dan memupuk identiti korporat KUIPs sebagai inisiatif melonjakkan imej dan identiti dapat disebar luaskan kepada masyarakat luar khususnya sekitar Negeri Perlis.
- 3.1.3 Memupuk budaya dan semangat sayangkan institusi dan memastikan semua etika dan peraturan pemakaian dapat dipatuhi oleh semua staf pada setiap masa.
- 3.1.4 Memastikan peraturan dan etika pemakaian ini dapat dipatuhi oleh semua staf dari masa ke semasa sepanjang waktu bekerja.

3.2 PENGUATKUASAAN PERATURAN DAN PEMAKAIAN STAF

3.2.1 Pemakaian Baju Korporat

Semua staf perlu memakai pakaian Korporat Kolej Universiti Islam Perlis pada setiap hari Rabu sepanjang waktu bekerja.

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 1 TAHUN 2013

3.2.2 Kewajipan Memakai Baju Batik

Kolej Universiti Islam Perlis juga menggunakan pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 berkaitan kewajipan pemakaian baju batik bagi setiap Hari Khamis. Oleh itu, semua staf adalah diwajibkan memakai pakaian batik pada setiap Hari Khamis.

3.2.3 Pemakaian Pakaian Rasmi Lounge Suit

Semua staf hendak memakai pakaian rasmi jenis "lounge suit" lengkap dengan blazer dan jaket. Staf lelaki juga digalakkan untuk memakai songkok pada setiap Hari Jumaat.

3.3 PEMAKAIAN KAD PENGENALAN STAF (ID STAF) DAN TANDA NAMA

Semua staf adalah diwajibkan untuk mematuhi peraturan pemakaian ini sepanjang masa bekerja. Pemakaian kad staf dan tanda nama sepanjang waktu bekerja dan sepanjang menjalankan urusan rasmi di luar pejabat adalah diwajibkan dengan penguatkuasaan pekeliling ini.

4. PENGUATKUASAAN

4.1.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta .

Sekian, terima kasih.

"TAQWA, SYUMUL & DINAMIK"

Saya yang menurut perintah,



(DR. MOHD MIZAN MOHAMMAD ASLAM)
Rektor

Senarai Edaran:

- 1) Pengarah,
Bahagian Akademik dan Pelajar
- 2) Penolong Pendaftar Kanan,
Bahagian Pentadbiran
- 3) Bahagian Kewangan
- 4) Bahagian Penyelenggaraan ICT